



**KETUA AUDIT NEGARA**

(OFFICE OF THE AUDITOR - GENERAL)

BLOK D2, ARAS 9,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

Telefon : 603 - 8886 3300

Fax : 603 - 8888 9701

E-Mail : ag@audit.gov.my

Ruj. Fail :

Tarikh : AUDIT/IP/147/656/3 (36)

19 November 2002

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua-ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri  
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri  
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan

**Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 3/2002**  
**- Garis Panduan Pelaksanaan Program 'Anak Angkat'**  
**Jabatan Audit Negara**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum setiap tahun Laporan Ketua Audit Negara mengenai Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam membangkitkan tentang kelemahan pengurusan kewangan dan aktiviti. Ada antara kelemahan tersebut telah berulang kali dibangkitkan. Sungguhpun Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil beberapa tindakan susulan terhadap teguran audit namun tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan.

3. Sehubungan dengan perkara di atas, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu beberapa Jabatan/Agensi yang bermasalah dalam pengurusan kewangan dengan melaksanakan program 'anak angkat' mulai tahun 2003. Melalui program ini, pejabat yang dipilih untuk dijadikan 'anak angkat' akan diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi membantu mereka memperbetulkan kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Ketua Jabatan/Agensi yang terlibat akan dimaklumkan secara rasmi dan diharap dapat memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya demi untuk menjayakan program berkenaan. Bersama-sama ini saya sertakan **Garis Panduan Pelaksanaan Program 'Anak Angkat' Jabatan Audit Negara** untuk rujukan.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI'**

Yang ikhlas

  
( DATUK DR. HADENAN B. ABDUL JALIL )  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara